

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan mengikut kategorinya (termasuk geran aktiviti, pembangunan fizikal, program baik pulih rumah dan skim pinjaman khas penduduk kampung) yang telah diberikan kepada setiap **MPKK** di bawah daerah Seremban pada tahun 2018 dan 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2018 dan 2019, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM140.4 juta kepada Majlis Pengurusan Komuniti *Kampung (MPKK)* Kampung Baru seluruh negara bagi melaksanakan tiga (3) program iaitu Program Pembangunan Infrastruktur, Program Bantuan Baik Pulih Rumah dan Program Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru (PKBC) oleh Bank Simpanan Nasional (BSN). Pemberian Geran MPKK merupakan program yang diwujudkan pada tahun 2019 dan peruntukan sebanyak RM118,100 telah diberikan di Daerah Seremban.

2. Bagi program pembangunan infrastruktur di daerah Seremban, sebanyak 5 projek telah diluluskan dengan kos sebanyak RM378,390 pada tahun 2018 manakala pada tahun 2019, sebanyak 19 projek telah diluluskan dengan kos sebanyak RM1.28 juta untuk menaiktaraf jalan, longkang, gelanggang bola keranjang dan balai raya di Kampung Baru. Bagi program bantuan baik pulih rumah, pada tahun 2018 sebanyak RM80,000 telah diluluskan untuk membaik pulih 8 buah rumah di Kampung Baru manakala bagi tahun 2019, sebanyak RM72,100 telah diluluskan untuk membaik pulih 8 buah rumah.

3. Program yang dilaksanakan dengan peruntukkan Geran MPKK adalah merupakan 16 program berbentuk komuniti seperti sambutan pesta tanglung, gotong-royong melukis mural, sambutan bulan kemerdekaan dan sebagainya di Kampung Baru.

Sekian, terima kasih.